

## Kualiti Pelaporan Maklumat Syarikat-syarikat di Bursa Saham Kuala Lumpur

**Lily Marlina Ab. Manan**  
**Takiah Mohd. Iskandar**

### ABSTRAK

*Kajian ini meneliti kualiti pelaporan maklumat dalam laporan tahunan syarikat yang tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL). Objektif kajian adalah untuk mengenalpasti ciri-ciri syarikat yang mempunyai hubungan dengan kualiti pelaporan maklumat. Kajian ini mengemukakan hipotesis bahawa kualiti pelaporan maklumat mempunyai hubungan dengan struktur pemilikan, leveraj, keberuntungan dan jenis firma yang mengaudit syarikat. Teori agensi digunakan untuk menerangkan hubungan tersebut. Dalam kajian ini kualiti pelaporan ditentukan berlandaskan kriteria pelaporan yang baik oleh National Annual Corporate Report Award (NACRA). Hasil analisis regresi logistik mendapati dua ciri utama syarikat mempunyai hubungan yang signifikan dengan kualiti pelaporan maklumat iaitu leveraj dan keberuntungan. Penemuan ini menunjukkan bahawa pengurusan syarikat melaporkan maklumat dengan baik untuk menjaga pemiutang dan pelabur sebagai pihak utama yang berkepentingan dalam syarikat. Implikasi hasil kajian ini dan arah tuju penyelidikan masa hadapan turut dibincangkan.*

### ABSTRACT

*This study investigates the quality of information reporting in the annual report of companies listed in the Kuala Lumpur Stock Exchange (KLSE). The objective of this study is to identify company characteristics which influence the quality of information reporting. The study hypothesizes that the quality of company reporting is related to the company ownership structure, leverage, profitability and type of audit firm. Agency theory is used in this study to explain this relationship. In this study, the quality of this reporting is determined on the basis of National Annual Corporate Report Award (NACRA) criteria of good reporting. Results of the logistic regression analysis show that two main company characteristics influence the quality of reporting i.e. leverage and profitability. These findings show that the management provides good reporting to creditors and investors, the important stakeholders of the company. Implications of these findings and future research directions are also discussed.*

## PENGENALAN

Laporan tahunan syarikat merupakan perantaraan utama yang menyampaikan maklumat tentang kendalian dan seterusnya prospek syarikat kepada pemegang saham dan bakal pelabur (Azhar 1999). Laporan tahunan memberi peluang kepada setiap syarikat untuk berhubung dan berkomunikasi dengan pemegang saham, pekerja dan semua pihak yang terlibat dengan perniagaan yang dijalankan (Abdul Samad 2000). Menurut Abdul Samad (2000), laporan tahunan disediakan sebagai dokumen statutori bagi memenuhi keperluan penguat kuasa undang-undang dan untuk menarik pelaburan. Laporan tahunan juga menggambarkan imej syarikat dan misi perniagaan yang dijalankan.

Bagi mengekalkan kualiti pelaporan yang baik, Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) telah menetapkan peraturan Keperluan Penyenaian yakni semua syarikat yang disenaraikan di BSKL perlu memenuhi semua syarat yang ditetapkan dalam peraturan tersebut. Secara amnya, peraturan ini menekankan kepada penyediaan rekod perakaunan syarikat yang lengkap dan penyediaan penyata kewangan yang mematuhi piawaian perakaunan yang ditetapkan. Syarikat di Malaysia perlu mematuhi peraturan statutori dalam Akta Syarikat 1965 apabila menyediakan laporan tahunan. Jadual ke Sembilan, Akta Syarikat 1965 menetapkan maklumat minimum yang perlu dilaporkan dalam penyata untung rugi dan kunci kira-kira syarikat yang diperbadankan di bawah Akta tersebut. *Malaysia Accounting Standard Board* (MASB) yang ditubuhkan di bawah Akta Pelaporan Kewangan 1997 pula bertanggungjawab membangun dan menerbitkan piawaian perakaunan di Malaysia. Penguatkuasaannya dipertanggungjawabkan kepada badan tertentu seperti Suruhanjaya Sekuriti (SC) dan Pendaftar Syarikat (ROC) dengan tujuan untuk meningkatkan kualiti pelaporan di negara ini.

Keprihatinan untuk memastikan kualiti pelaporan maklumat di Malaysia turut disedari oleh badan profesional perakaunan iaitu *Malaysian Institute of Accountant* (MIA), *Malaysia Institute of Certified Public Accountants* (MICPA) yang merupakan nama baru kepada *Malaysia Association of Certified Public Accountants* (MACPA) yang berkuatkuasa mulai 29 Januari 2002 dan *Malaysian Institute of Management* (MIM). Pada tahun 1990, ketiga-tiga badan tersebut dengan kerjasama BSKL, telah menubuhkan *National Annual Corporate Report Award* (NACRA). Penubuhan NACRA bertujuan untuk mengiktiraf laporan tahunan syarikat yang mencapai tahap pelaporan kewangan korporat yang berkualiti tinggi. Setiap tahun badan ini memberi anugerah kepada syarikat yang menghasilkan laporan tahunan yang terbaik. Penilaian laporan tahunan dibuat berasaskan kriteria tertentu termasuk pelaporan latar belakang dan profil syarikat, produk atau perkhidmatan yang dihasilkan, operasi syarikat, pencapaian organisasi termasuk petunjuk prestasi dan saham pasaran syarikat. Syarikat juga digalakkan untuk melaporkan maklumat sukarela seperti jawatankuasa audit, tadbir urus korporat, penyata nilai ditambah dan

maklumat alam sekitar. Usaha ini dibuat atas kesedaran bahawa laporan tahunan yang berkualiti dapat menyampaikan maklumat dengan tepat dan relevan untuk pembuatan keputusan. Pelaporan yang berkualiti dijangka dapat meningkatkan keyakinan para pelabur terhadap kebolehpercayaan maklumat dalam laporan tahunan yang menjadi rujukan utama apabila menilai prestasi syarikat (Hossain, Tan & Adams 1994). Keadaan ini seterusnya dapat menggalakkan pertumbuhan pasaran modal yang lebih sihat.

Keputusan pertandingan NACRA 1999, menunjukkan kualiti pelaporan di Malaysia telah meningkat dengan signifikan secara keseluruhannya (Lam Kee Soon 1999). Peningkatan ini merupakan kejayaan NACRA menggalakkan syarikat menyediakan laporan tahunan yang berkualiti tinggi. Walaupun demikian, bukan semua syarikat berjaya memenuhi syarat minimum yang telah ditetapkan oleh NACRA. Timbul pertanyaan tentang apakah latar belakang syarikat yang begitu prihatin sehingga berjaya menyediakan laporan tahunan yang mencapai piawaian pelaporan yang ditetapkan itu. Masih belum ada kajian yang menyingkap persoalan ini. Maklumat seperti ini perlu bagi membantu pihak penggubal dasar menentukan pendekatan yang sesuai dan berkesan dalam usaha meningkatkan kualiti pelaporan kewangan di negara ini. Objektif kajian ini adalah untuk meneliti ciri syarikat yang dijangka mempunyai hubungan dengan kualiti pelaporan maklumat dalam laporan tahunan. Secara khususnya, kajian ini akan memfokus kepada beberapa ciri tertentu syarikat termasuk struktur pemilikan, leveraj, keberuntungan dan jenis firma yang mengaudit syarikat tersebut. Kajian ini akan melihat hubungan antara ciri tersebut dengan kualiti pelaporan maklumat dalam laporan tahunan.

## RASIONAL KAJIAN

Pada dasarnya kajian terhadap pelaporan maklumat dalam laporan tahunan banyak dijalankan di negara lain. Kajian tersebut telah bermula di Amerika Syarikat (US) sejak awal tahun 70-an seperti Singhvi dan Desai (1971), Buzby (1975), Firth (1979). Kajian yang sama juga kemudiannya dijalankan di negara lain termasuk Mexico (Chow & Wong-Boren 1987), Sweden (Cooke 1989), Jepun (Cooke 1992), New Zealand (Hossain, Perera & Rahman 1993), Sepanyol (Wallace, Naser & Mora 1994; Inchausti 1997), Hong Kong (Wallace & Naser 1995), Switzerland (Raffournier 1995), Zimbabwe (Owusu-Ansah 1998), Belgium (Van de Wiele 1999) dan Perancis (Michailescu 2000).

Namun demikian, di Malaysia, maklumat empirikal tentang perkara tersebut masih kurang, kecuali kajian Hossain, Tan dan Adams (1994) dan Tan, Kidam dan Chong (1990). Kesemua kajian yang dijalankan berkaitan kualiti pendedahan maklumat sebelum ini menggunakan indeks pendedahan

untuk mengukur kualiti maklumat dalam laporan tahunan. Definisi kualiti bagi setiap kajian adalah berbeza berdasarkan fokus kajian. Wallace dan Naser (1994) menggunakan definisi Imhoff (1992) untuk menerangkan kualiti pelaporan. Menurut Imhoff, *comprehensiveness* adalah konstruk kualiti. Walaupun kualiti tidak dapat didefinisikan dengan jelas, beliau mencadangkan bahawa maklumat berkualiti merujuk kepada pendedahan penuh maklumat dalam laporan tahunan. Michailesco (2000) pula menggunakan tiga konstruk untuk mengukur kualiti iaitu kerelevanan, kebolehsandaran dan *intelligibility*. Pemilihan item untuk menterjemahkan ketiga-tiga konstruk untuk mewakili kualiti adalah berdasarkan maklumat kewangan, kaedah perakaunan yang digunakan, maklumat segmen, maklumat berkenaan strategi serta maklumat ekonomi.

Kajian ini berbeza daripada kajian terdahulu dari segi penggunaan pendekatan yang lebih komprehensif. Dalam kajian ini kualiti pelaporan maklumat diukur berdasarkan penilaian NACRA terhadap laporan tahunan yang memenuhi syarat pelaporan yang digariskan oleh badan tersebut (Jadual 1). Kriteria tersebut mengambil kira pelbagai aspek, antaranya pemasaan, pematuhan kepada piawaian perakaunan dan laporan tidak bersyarat daripada juruaudit. Penggunaan senarai butiran pelaporan yang dibangunkan oleh NACRA bagi menentukan kualiti laporan tahunan syarikat di Malaysia merupakan sumbangan utama kajian ini. Masih belum ada kajian lepas yang menggunakan pendekatan seperti ini. Laporan tahunan yang memenuhi syarat pelaporan NACRA dikelaskan sebagai pelaporan baik manakala laporan tahunan yang gagal memenuhi syarat ini dianggap mempunyai pelaporan lemah. Pendekatan ini dianggap tepat kerana penilaian ke atas laporan tahunan melibatkan 50 pemeriksa dari industri, akauntan dan ahli akademik.

JADUAL 1. Senarai butiran pelaporan mengikut kriteria pelaporan Nacra

- 
1. Ketepatan masa penerbitan laporan tahunan. Keputusan awal mesti dihantar ke BSKL dalam tempoh tiga bulan selepas tempoh kewangan. Laporan tahunan pula mesti diterima oleh BSKL selewat-lewatnya enam bulan selepas tempoh kewangan syarikat.
  2. Menerima laporan tidak bersyarat daripada juruaudit.
  3. Mematuhi kesemua piawaian perakaunan yang diterima pakai.
  4. Mempunyai sekurang-kurangnya maklumat pencapaian kewangan dan ringkasan latar belakang untuk tempoh tidak kurang daripada 3 tahun.
  5. Maklumat tentang statistik pemegang saham seperti yang dikehendaki oleh Keperluan Penyenaraian BSKL.
  6. Butir hartanah seperti yang dikehendaki dalam Keperluan Penyenaraian BSKL.
  7. Maklumat mengenai komposisi dan tugas kerja Jawatankuasa Audit.
  8. Penyediaan laporan tahunan versi Bahasa Malaysia.
  9. Tidak dikenakan celaan awam oleh BSKL atau Suruhanjaya Sekuriti berkaitan urusan syarikat.
-

## TEORI AGENSI

Kajian ini menggunakan teori agensi sebagai asas untuk menerangkan hubungan di antara ciri syarikat yang dikaji dengan kualiti pelaporan syarikat tersebut. Teori agensi sering kali digunakan untuk menyelesaikan masalah pemisahan hak milik dan kawalan firma (Jensen & Meckling 1976), antara pembekal modal yang berbeza (Smith & Warner 1979) dan pemisahan penanggung risiko dan pihak yang membuat keputusan yang menjalankan fungsi kawalan ke atas firma (Fama & Jensen 1983). Teori ini menyatakan bahawa fenomena perakaunan boleh diterangkan melalui tindakan pengurus sebagai agen kepada pemegang saham. Teori ini mengiktiraf kewujudan kontrak atau perhubungan di antara pengurus dan beberapa kumpulan lain seperti pemegang saham, institusi kewangan, juruaudit, pasaran saham dan agensi kerajaan (Tower & Kelly 1989).

Perhubungan agensi ini melibatkan kos kepada prinsipal. Kos tersebut terjadi apabila sebarang tindakan yang dilakukan oleh agen tidak memenuhi kepentingan prinsipal. Watts dan Zimmerman (1983) mendefinisikan kos agensi sebagai kos konflik. Kos agensi akan meningkat apabila sebarang tindakan yang dilakukan oleh agen tidak memenuhi kepentingan prinsipal dan menyebabkan berlakunya konflik. Oleh itu, bagi mengurangkan konflik di antara kedua-dua pihak, pengurusan akan mengeluarkan laporan tahunan dengan melaporkan maklumat berkualiti bagi meyakinkan pelabur dan bakal pelabur (Chow & Wong-Boren 1987; Jensen & Meckling 1976).

Daripada perbincangan di atas, didapati langkah yang perlu diambil oleh pemegang saham untuk mengelakkan pengurus daripada mengabaikan tanggungjawab ialah mengadakan pemantauan terhadap prestasi mereka. Salah satu cara memantau aktiviti pengurus ialah melalui laporan tahunan syarikat. Pengurus akan melaporkan maklumat dalam laporan tahunan sebagai bukti kepada pemegang saham bahawa beliau telah menjalankan tugas dengan sebaiknya. Dalam kajian ini teori agensi digunakan untuk memahami fenomena pelaporan maklumat berkualiti dalam konteks kajian.

Berdasarkan teori yang dibincangkan di atas, model kajian seperti berikut dibentuk bagi menerangkan hubungan pembolehubah kajian.

$$\ln [p/(1-p)] = \beta_0 + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2 + \beta_3 X_3 + \beta_4 X_4 + e$$

Di mana

- $\ln [p/(1-p)]$  = Log kemungkinan bagi pelaporan maklumat
- $X_1$  = Struktur pemilikan
- $X_2$  = Leveraj
- $X_3$  = Keberuntungan
- $X_4$  = Jenis firma yang mengaudit syarikat

Bahagian seterusnya membincangkan penemuan kajian lepas yang berkaitan dengan kesan ciri-ciri syarikat yang dikaji terhadap pelaporan maklumat syarikat dan pembentukan hipotesis yang akan diuji.

## PEMBENTUKAN HIPOTESIS

*Struktur pemilikan* Pemisahan di antara pemilikan syarikat dan kawalannya menyebabkan pengurusan melaporkan maklumat yang lebih berkualiti dalam laporan tahunan untuk menjaga kepentingan pemegang saham (Hossain et al. 1994). Menurut Hossain et al. (1994) pemegang saham menggunakan laporan tahunan untuk memantau aktiviti syarikat. Pelaporan maklumat yang berkualiti membantu syarikat mengurangkan kos agensi yang wujud antara pemegang saham dan pengurus. Jensen & Meckling (1976) mendefinisikan kos agensi sebagai kos yang wujud apabila sebarang tindakan yang dilakukan oleh agen tidak memenuhi kepentingan prinsipal. Mereka mengelaskan kos agensi kepada tiga iaitu belanja pemantauan oleh prinsipal, belanja ikatan oleh agen dan kerugian residual iaitu perbezaan dari kedua-dua belanja tadi. Dengan menggunakan teori agensi, kajian Hossain et al. (1994) mendapati struktur pemilikan mempengaruhi syarikat di Malaysia apabila melaporkan maklumat secara sukarela. Struktur pemilikan diukur berdasarkan peratusan pegangan saham oleh 10 pemegang saham terbesar syarikat. Peratusan pegangan saham yang tinggi menunjukkan pegangan saham syarikat tidak pelbagai. Peratusan pegangan saham yang rendah pula menunjukkan pemegang saham syarikat adalah pelbagai. Hasil kajian mendapati pemegang saham yang pelbagai mendorong pengurus melaporkan maklumat sukarela dalam laporan tahunan.

Kajian Owusu-Ansah (1998) terhadap syarikat tersenarai di *Zimbabwe Stock Exchange* mendapati struktur pemilikan mempunyai hubungan signifikan dengan pelaporan maklumat tetapi bertentangan dengan jangkaan teori agensi. Di negara tersebut, secara tradisinya syarikat dimiliki oleh ahli keluarga. Kajian tersebut menggunakan peratusan saham yang dimiliki secara langsung atau tidak langsung oleh pihak dalaman sebagai proksi struktur pemilikan. Menurut teori agensi, syarikat yang majoriti sahamnya dimiliki oleh pihak dalaman kurang melaporkan maklumat dalam laporan tahunan. Ini adalah kerana pihak dalaman boleh mendapatkan maklumat secara terus daripada pengurusan.

Terdapat juga kajian di beberapa negara lain yang mendapati struktur pemilikan tidak mempengaruhi pelaporan maklumat (e.g. Cooke 1992; Michailesco 2000; Wallace & Naser 1995). Di negara Jepun dan Jerman, misalnya, pemisahan antara hak milik pemilik dan pengurus modal tidak wujud kerana ekuiti dimiliki oleh bank. Di negara China pula ekuiti dimiliki oleh kerajaan sementara di Perancis dan Hong Kong ekuiti dimiliki oleh ahli keluarga dan bank. Di negara-negara tersebut, pemilik modal boleh

mendapatkan maklumat dalaman bagi memantau aktiviti pengurusan tanpa bergantung sepenuhnya terhadap laporan tahunan.

Hak milik dan kawalan terhadap syarikat terdiri daripada 2 pihak yang berbeza iaitu pemilik dan pengurus. Pengasingan antara pemilikan dan kawalan dalam organisasi menyebabkan kos agensi meningkat ekoran daripada konflik antara prinsipal dan agen mengenai ganjaran (Fama & Jensen 1983). Apabila saham syarikat dipegang oleh pelbagai pemegang saham syarikat, kebarangkalian berlaku konflik di antara prinsipal dan agen adalah lebih tinggi. Bagi mengelakkan sebarang konflik, pengurus mengambil langkah menyediakan laporan tahunan yang menjadi sumber maklumat utama pemegang saham memantau aktiviti pengurus dan memastikan kepentingan mereka dioptimumkan. Oleh itu pengurus yang menjalankan tugas bagi pihak pemegang saham mempunyai insentif untuk meningkatkan kualiti pelaporan maklumat dalam laporan tahunan. Semakin banyak pihak yang memerlukan maklumat tentang urusan syarikat maka semakin baik kualiti pelaporan yang disediakan (Wallace et al. 1994). Pelaporan maklumat adalah lebih berkualiti bagi syarikat yang mempunyai pelbagai pemegang saham untuk membolehkan pemantauan dibuat terhadap aktiviti pengurus melalui laporan tahunan. Berdasarkan perbincangan di atas, maka hipotesis seperti berikut dibentuk:

$H_1$  : Kualiti pelaporan maklumat syarikat mempunyai hubungan positif dengan kepelbagaian pegangan saham syarikat tersebut.

*Leveraj* Apabila tahap leveraj meningkat, pemiutang dan pemegang saham lebih berharap agar syarikat melaporkan maklumat berkualiti untuk membolehkan mereka menilai keupayaan syarikat tersebut menyelesaikan tanggungan hutangnya (Jensen & Meckling 1976). Oleh kerana pemiutang dan pemegang saham banyak bergantung kepada pelaporan maklumat awam untuk keperluan pembuatan keputusan, permintaan mereka terhadap maklumat berkualiti akan meningkat selaras dengan peningkatan nisbah hutang syarikat (Craswell & Taylor 1992). Peningkatan nisbah hutang dalam struktur modal syarikat menyebabkan kos agensinya menjadi lebih tinggi (Jensen & Meckling 1976). Peningkatan kos ini berlaku kerana pindahan kekayaan daripada pemiutang kepada pemegang saham dan pengurus apabila tahap leveraj meningkat (Michailescu 2000). Sementara itu, leveraj mengurangkan kos agensi antara pemilik dan pengurus kerana leveraj yang tinggi menggalakkan pengurus memaksimumkan nilai firma dan akan memindahkan kekayaan daripada pemiutang kepada pemegang saham (Michailescu 2000). Pelaporan maklumat yang berkualiti dapat membantu menyelesaikan masalah pemantauan antara pemiutang, pemegang saham dan pengurus. Oleh itu, pelaporan maklumat yang baik boleh memberikan keyakinan kepada pemiutang dan seterusnya mengurangkan kos agensi.

Hasil kajian di Mexico mendapati leveraj tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan pelaporan maklumat (Chow & Wong-Boren 1987). Di negara tersebut konflik kepentingan di antara pemegang saham, pemiutang dan pengurus diselesaikan dengan menggunakan mekanisme lain seperti pelantikan pengarah luar, pemberian ganjaran eksekutif dan pelaporan maklumat dalaman. Penemuan yang berbeza ini berlaku kerana persekitaran perundangan dan penguatkuasaan prosedur perakaunan di negara tersebut agak longgar.

Di Malaysia, Hossain et al. (1994) turut mendapati bahawa leveraj tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan pelaporan maklumat. Syarikat tidak menekankan pelaporan maklumat mengenai struktur hutang dalam laporan tahunan sebagai satu cara untuk mendapatkan pembiayaan luar atau meyakinkan pemiutang. Beliau berpendapat syarikat di negara ini menggunakan mekanisme lain seperti waad penyekat (*restrictive covenants*) dalam perjanjian hutang bagi mengawal kos agensi dengan pemiutang.

Berdasarkan perbincangan di atas, hipotesis yang diuji dinyatakan seperti berikut:

$H_2$  : Kualiti pelaporan maklumat mempunyai hubungan positif dengan tahap leveraj syarikat.

*Keberuntungan* Kajian lepas menunjukkan keuntungan mempengaruhi syarikat apabila melaporkan maklumat dalam laporan tahunannya (Inchausti 1997; Raffournier 1995; Singhvi & Desai 1971). Menurut Singhvi dan Desai (1971) pengurus syarikat yang mendapat keuntungan cenderung untuk melaporkan maklumat tersebut bagi menyokong kedudukannya dan sebarang skim ganjaran yang berasaskan prestasi. Ini kerana keuntungan selalu digunakan untuk mengukur prestasi syarikat. Selain menjadi petunjuk prestasi pengurusan, pelaporan maklumat dalam laporan tahunan bertujuan untuk mengelakkan turun nilai saham (Inchausti 1997). Ini adalah kerana sesetengah pelabur beranggapan bahawa syarikat enggan melaporkan maklumat kerana kedudukan kewangan yang tidak stabil. Pendapat ini turut disokong oleh Raffournier (1995) yang mendapati pengurus syarikat yang mendapat keuntungan akan melaporkan maklumat berkualiti bagi menyokong prestasi pengurusan dan meningkatkan keyakinan pemegang saham terhadap mereka. Keuntungan yang diperolehi juga membolehkan syarikat menanggung kos pelaporan maklumat yang tinggi.

Syarikat yang memperolehi keuntungan yang tinggi cenderung untuk melaporkan maklumat tersebut dalam laporan tahunan bagi meningkatkan reputasi syarikat (Owusu-Ansah 1998). Keuntungan syarikat yang tinggi juga menunjukkan bahawa pengurus telah menjalankan tugas dengan baik dan ini akan mengurangkan kos agensi.

Sebaliknya, kajian Wallace dan Naser (1995) ke atas syarikat di Hong Kong mendapati pelaporan maklumat mempunyai hubungan negatif dengan



keberuntungan syarikat. Syarikat yang mempunyai margin untung yang rendah melaporkan lebih banyak maklumat dalam laporan tahunan. Ini adalah kerana syarikat yang mempunyai margin untung yang rendah sering dipandang negatif, oleh itu syarikat ini mengambil langkah melaporkan lebih banyak maklumat dalam laporan tahunan bagi meningkatkan akauntabiliti. Namun demikian kuantiti maklumat yang dilaporkan tidak semestinya menunjukkan kualiti pelaporan yang baik.

Berdasarkan perbincangan di atas, kajian ini cuba untuk menjawab persoalan tentang hubungan antara keberuntungan syarikat dengan kualiti pelaporan maklumat di Malaysia. Oleh itu, hipotesis berikut dibentuk:

H<sub>3</sub> : Kualiti pelaporan maklumat mempunyai hubungan positif dengan keberuntungan syarikat

*Jenis firma yang mengaudit syarikat* Kualiti pelaporan maklumat dalam laporan tahunan syarikat dikatakan lebih baik apabila syarikat tersebut menggunakan khidmat firma audit besar (*Big-Six/Big-Eight*) berbanding dengan syarikat yang menggunakan khidmat firma audit kecil (bukan *Big-Six/Big-Eight*) (Craswell & Taylor 1992; Inchausti 1997; Wallace & Naser 1995; Wallace et al. 1994). Juruaudit memainkan peranan penting dalam mengawal gelagat agen dan mengurangkan kos agensi antara prinsipal dan agen (Jensen & Meckling 1976). Hubungan di antara juruaudit dan pelanggan juga melibatkan kos. Oleh itu, juruaudit akan mempengaruhi pelanggan untuk menghasilkan laporan tahunan yang berkualiti (Watts & Zimmerman 1986). Juruaudit dari firma audit *Big-Six* yang mempunyai reputasi yang baik enggan menyelia kerja pelanggan yang tidak melaporkan maklumat secukupnya dalam laporan tahunan (Inchausti 1997). Situasi ini menggambarkan bahawa wujud hubungan positif di antara firma audit *Big-Six* dengan kualiti pelaporan maklumat dalam laporan tahunan syarikat.

Walau pun tanggungjawab utama penyediaan laporan tahunan terletak pada syarikat itu sendiri, juruaudit luar berperanan mempengaruhi syarikat dari segi kesaksamaan maklumat yang dilaporkan. Oleh itu, firma audit besar boleh mempengaruhi pelaporan maklumat syarikat yang diaudit (Firth 1979). Firma audit besar mempunyai daya saing untuk menggalakkan syarikat melaporkan maklumat dengan baik atas dua sebab (De Angelo 1983; Fama & Jensen 1983). Pertama, firma audit besar mempunyai banyak pelanggan dan kurang bergantung kepada pelanggan tertentu sahaja. Oleh itu, firma seperti ini boleh mengekalkan kebebasan dari pelanggan. Kedua, firma audit besar lebih mudah terjejas reputasinya berbanding firma audit kecil sekiranya laporan tahunan syarikat yang diauditnya kurang berkualiti. Oleh itu, firma audit besar akan menggalakkan syarikat yang diaudit membekalkan maklumat yang baik dan komprehensif.

Tindakan syarikat mendapatkan perkhidmatan daripada firma audit *Big-Six* menunjukkan bahawa syarikat tersebut cuba untuk mengurangkan kos

agensi melalui pelaporan maklumat yang cukup (Wallace & Naser 1995; Wallace et al. 1994). Pemilihan juruaudit berkualiti merupakan petunjuk kepada pasaran bahawa pelaporan maklumat syarikat berkualiti tinggi (Trueman 1986). Pemilihan juruaudit di kalangan firma audit *Big-Eight* menggambarkan usaha pengurus mengurangkan kos agensi (Craswell & Taylor 1992). Firma audit besar sering menggalakkan syarikat menghasilkan laporan tahunan berkualiti bagi mengekalkan tahap profesionalisme (Singhvi & Desai 1971). Perbincangan di atas menunjukkan bahawa syarikat yang diaudit oleh firma audit besar (*Big-Five/Big-Eight*) akan menghasilkan laporan tahunan yang berkualiti. Pelaporan yang dibuat oleh syarikat tersebut adalah petunjuk terhadap kualiti firma audit.

Kajian oleh Tan et al. (1990) dan Hossain et al. (1994) ke atas syarikat tersenarai di BSKL mendapati jenis firma audit tidak mempunyai hubungan signifikan dengan maklumat yang dilaporkan secara sukarela. Kedua-dua kajian mendapati tidak wujud perbezaan antara pelaporan maklumat bagi syarikat yang diaudit oleh firma audit *Big-Six* dengan yang diaudit oleh firma audit bukan *Big-Six*. Ini mungkin kerana kedua-dua kajian tersebut hanya melihat pada kuantiti maklumat yang dilaporkan yang mungkin tidak dapat memberi gambaran yang tepat tentang kualiti pelaporan syarikat yang dikaji. Oleh itu kajian ini cuba menyelidik sumbangan juruaudit terhadap kualiti pelaporan syarikat dengan menggunakan pengukuran yang lebih menyeluruh seperti yang gariskan oleh NACRA.

Oleh itu, hipotesis seterusnya dinyatakan seperti berikut:

$H_4$  : Kualiti pelaporan maklumat syarikat yang diaudit oleh firma audit *Big-Five* adalah lebih baik berbanding dengan kualiti pelaporan syarikat yang diaudit oleh firma audit bukan *Big-Five*.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian dijalankan terhadap syarikat yang menghasilkan laporan tahunan yang baik mengikut penilaian NACRA secara perbandingan dengan syarikat yang tidak mencapai tahap pengiktirafan tersebut. Kajian ini menilai kesan ciri-ciri syarikat terhadap kualiti pelaporan syarikat berdasarkan kriteria pelaporan yang ditetapkan oleh NACRA sebagai tanda aras. NACRA merupakan satu-satunya badan di Malaysia yang telah menetapkan kriteria tahap pelaporan yang baik dengan mengambil kira secara menyeluruh keperluan semua pihak termasuk badan pengubal dasar, penguatkuasa undang-undang, pengguna maklumat dan penyedia maklumat tersebut. Kajian ini membandingkan latar belakang syarikat yang laporan tahunannya berjaya mendapat pengiktirafan NACRA dengan syarikat yang laporan tahunannya tidak mencapai tahap yang ditetapkan itu.

## SAMPSEL

Sampel kajian dipilih berdasarkan reka bentuk pepadanan pasangan. Sampel terdiri daripada dua kumpulan syarikat. Satu kumpulan terdiri daripada syarikat yang mempunyai pelaporan yang baik iaitu laporan tahunan syarikat telah terpilih untuk penghakiman terperinci NACRA. Kumpulan yang kedua terdiri daripada syarikat yang tidak terpilih untuk penghakiman terperinci pertandingan tersebut. Kedua-dua kumpulan sampel tersebut dipadankan dari segi industri, saiz syarikat, tempoh kewangan syarikat dan jenis papan penyenaraian di BSKL. Pepadanan ini dilakukan untuk mengawal kesan faktor berkenaan terhadap hasil kajian. Berdasarkan kajian lepas faktor tersebut mempengaruhi pelaporan maklumat syarikat (Beasley 1996; Buzby 1975; Cooke 1992; Inchausti 1997; Owusu-Ansah 1998; Wallace et al. 1994).

## PENGOPERASIAN PEMBOLEHUBAH KAJIAN

Bahagian ini membincangkan pengoperasian pembolehubah bersandar dan tak bersandar yang digunakan dalam kajian. Pembolehubah bersandar ialah kualiti pelaporan maklumat manakala pembolehubah tak bersandar ialah struktur pemilikan, leveraj, keberuntungan syarikat dan jenis firma audit.

*Kualiti Pelaporan Maklumat* Bagi mengukur kualiti pelaporan maklumat dalam laporan tahunan, sampel dibahagikan kepada dua kumpulan syarikat iaitu syarikat yang mempunyai kualiti pelaporan laporan tahunan yang baik dan syarikat yang mempunyai kualiti pelaporan laporan tahunan yang lemah. Pembahagian ini dibuat berdasarkan pementakan pelaporan yang digunakan dalam proses penghakiman kualiti pelaporan untuk memilih pemenang NACRA. Proses penghakiman tersebut melalui dua peringkat iaitu peringkat penapisan awal dan peringkat penghakiman terperinci. Pada peringkat penapisan awal, semua laporan tahunan syarikat yang tersenarai di BSKL disemak berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan untuk memilih syarikat yang layak untuk penghakiman terperinci. Pemenang dipilih daripada senarai syarikat yang berjaya ke peringkat penghakiman terperinci.

Untuk tujuan kajian ini, syarikat yang laporan tahunannya berjaya memenuhi kriteria penapisan awal dan terpilih untuk penghakiman terperinci dianggap mempunyai pelaporan yang baik. Manakala syarikat yang laporan tahunannya tidak memenuhi kriteria penapisan awal dianggap mempunyai pelaporan lemah. Dalam kajian ini kualiti pelaporan diberi skala nominal dengan memberi skor 1 untuk pelaporan yang baik dan skor 0 untuk pelaporan yang lemah.

*Struktur pemilikan* Dalam kajian ini, struktur pemilikan diukur berasaskan pegangan saham syarikat. Struktur pemilikan dinyatakan sebagai peratusan

pegangan saham oleh 10 pemegang saham terbesar syarikat daripada jumlah keseluruhan saham yang diterbitkan (Hossain et al. 1994).

*Leveraj* Untuk tujuan kajian ini, leveraj diukur dengan nisbah nilai buku hutang jangka panjang kepada nilai buku ekuiti pemilik.

*Keberuntungan* Keberuntungan diukur dengan margin untung bersih terhadap jualan yang dikira berasaskan nisbah pendapatan bersih selepas cukai terhadap jualan.

*Jenis firma audit.* Jenis firma audit ditentukan dengan menggunakan skala nominal iaitu syarikat yang diaudit oleh firma audit *Big-Five* diberi skor 1 dan syarikat yang diaudit oleh firma audit bukan *Big-Five* diberi skor 0.

## HASIL ANALISIS KAJIAN

Berdasarkan rekod yang dikeluarkan oleh NACRA 2000, terdapat 84 buah syarikat yang laporan tahunannya terpilih untuk memasuki proses penghakiman terperinci. Walau bagaimanapun, dalam kajian ini hanya 78 buah syarikat sahaja yang dapat dikenalpasti.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 17 buah syarikat dalam industri kewangan telah dikeluarkan daripada sampel kajian. Ini adalah kerana industri kewangan dikawal ketat oleh kerajaan dan tertakluk kepada Garis Panduan Bank Negara Malaysia melalui Akta Institusi Perbankan dan Kewangan 1989. Mengikut peraturan tersebut, semua bank dan institusi kewangan perlu mematuhi garis panduan yang ditetapkan. Oleh itu, industri kewangan perlu dikeluarkan daripada sampel untuk mengelakkan kemungkinan perbezaan kualiti pelaporan maklumat industri ini disebabkan oleh garis panduan yang telah ditetapkan dan bukannya disebabkan oleh ciri-ciri syarikat yang dikaji.

Ini menjadikan jumlah sampel syarikat yang mempunyai pelaporan yang baik sebanyak 61 buah. Sebanyak 11 buah syarikat lagi digugurkan dari sampel kerana gagal mempunyai padanan dengan syarikat yang pelaporannya lemah. Akhirnya, hanya 50 buah syarikat sahaja yang berjaya dipadankan dengan syarikat yang mempunyai pelaporan lemah berdasarkan penyenaian di papan utama atau kedua BSKL, jenis industri, saiz syarikat dan tempoh kewangan syarikat tersebut seperti yang dinyatakan diatas. Jadual 1 memberi statistik deskriptif sampel kajian.

Kajian menggunakan analisis regresi logistik untuk melihat hubungan diantara keempat-empat pembolehubah tak bersandar dengan kualiti pelaporan maklumat. Hasil analisis tersebut dipaparkan dalam Jadual 2.

Jadual 2 menunjukkan nilai Nagelkerke  $R^2 = 0.431$  yang menunjukkan 43.1% daripada kualiti pelaporan maklumat dapat dijelaskan oleh

JADUAL 1. Statistik deskriptif sampel mengikut industri

Industri	Bilangan syarikat
Barangan pengguna	12
Barangan industri	18
Perdagangan dan perkhidmatan	26
Teknologi	2
Pembinaan	10
Hartanah	14
Perladangan	18
Jumlah	100

JADUAL 2. Hasil analisis regresi logistik

Pembolehubah tak Bersandar	Koefisien	Ralat Piawai	Nilai Wald	Sig. p
Titik Persilangan	2.473	1.323	3.493	.062
Struktur Pemilikan	0.029	.018	2.472	.116
Leveraj	2.599	1.091	5.672	.017*
Keuntungan	0.021	.011	3.526	.06†
Firma Audit	-1.775	.721	6.064	.014*

Nota: \* Signifikan pada aras keyakinan 5%,

† Signifikan pada aras keyakinan 10%,

Nilai Nagelkerke  $R^2 = 0.431$ ,

Nilai Ramalan Betul = 73%

pembolehubah dalam model kajian. Nilai ramalan model 73% menunjukkan kajian ini berjaya membezakan antara syarikat yang membuat pelaporan yang baik daripada syarikat yang pelaporannya lemah pada kadar kejayaan 73%.

Jadual ini juga menunjukkan tiga pembolehubah tak bersandar yang dikaji iaitu leveraj, keberuntungan dan jenis firma audit masing-masing mempunyai hubungan yang signifikan dengan kualiti pelaporan maklumat. Hasil analisis juga menunjukkan model kajian untuk kualiti pelaporan maklumat adalah signifikan.

*Struktur pemilikan* Seperti dalam Jadual 2, hasil analisis regresi logistik menunjukkan bahawa struktur pemilikan tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan kualiti pelaporan maklumat. Ini bermakna struktur pemilikan tidak berbeza di antara syarikat yang menyediakan pelaporan yang baik atau yang lemah yang bermaksud bahawa struktur pemilikan tidak mempengaruhi kualiti pelaporan maklumat dalam laporan tahunan. Penemuan

ini tidak menyokong H1 yang menyatakan bahawa kualiti pelaporan bagi syarikat yang mempunyai pelbagai pemegang saham adalah lebih berkualiti berbanding syarikat pemegang sahamnya sedikit.

*Leveraj* Leveraj syarikat yang diukur dengan nisbah hutang jangka panjang kepada ekuiti pemilik didapati mempunyai hubungan positif yang signifikan ( $p=0.017$ ,  $b=2.599$ ) dengan kualiti pelaporan maklumat syarikat. Hasil analisis ini menunjukkan bahawa semakin tinggi tahap leveraj syarikat semakin baik kualiti pelaporan maklumat yang disediakan. Penemuan ini menggambarkan bahawa syarikat yang mempunyai jumlah hutang yang tinggi membekalkan maklumat yang memenuhi kriteria pelaporan yang baik dalam laporan tahunan. Hasil analisis ini menyokong hipotesis H2 bahawa kualiti pelaporan maklumat mempunyai perkaitan positif dengan leveraj. Penemuan ini adalah seiring dengan jangkaan teori agensi bahawa syarikat yang mempunyai nisbah hutang yang tinggi akan melaporkan maklumat berkualiti dalam laporan tahunan untuk memenuhi keperluan pemiutang jangka panjang. Keputusan ini juga selaras dengan hasil kajian yang terdahulu (e.g. Malone et al. 1993; Wallace et al. 1994).

*Keberuntungan* Hasil analisis regresi logistik dalam Jadual 2 menunjukkan keberuntungan, yang diukur berdasarkan peratusan untung bersih ke atas jualan, adalah signifikan pada tahap  $p = 0.06$ , dalam mempengaruhi kualiti pelaporan maklumat yang disediakan oleh syarikat dalam laporan tahunan. Ini menunjukkan bahawa wujud perbezaan dalam kualiti pelaporan maklumat syarikat berdasarkan tahap keuntungan.

Jadual 2 juga menunjukkan keuntungan mempunyai hubungan positif dengan kualiti pelaporan maklumat ( $b = 0.021$ ). Ini bermakna H3 yang mencadangkan kualiti pelaporan maklumat mempunyai perkaitan positif dengan keberuntungan syarikat. Hasil kajian adalah selaras dengan jangkaan teori agensi bahawa keuntungan yang tinggi juga mendorong pengurusan melaporkan maklumat syarikat dengan berkualiti dalam laporan tahunan. Ini mungkin bertujuan untuk menunjukkan kepada pelabur kecekapan pengurusan mengendalikan syarikat. Keputusan yang diperolehi adalah seiring dengan kajian oleh pengkaji terdahulu (Raffournier 1995; Owusu-Ansah 1998).

*Jenis firma yang mengaudit syarikat* Hasil analisis dalam Jadual 2 juga menunjukkan bahawa jenis firma audit berhubung secara signifikan pada tahap  $p=0.014$  dengan kualiti pelaporan maklumat dalam laporan tahunan. Hasil analisis adalah selaras dengan jangkaan teori agensi bahawa jenis firma audit mempengaruhi syarikat apabila melaporkan maklumat berkualiti dalam laporan tahunan. Nilai koefisien menunjukkan bahawa wujud hubungan negatif antara kualiti pelaporan maklumat dan firma audit ( $b=-1.775$ ). Ini bermakna bahawa kualiti pelaporan maklumat adalah lebih baik bagi syarikat

yang diaudit oleh firma audit bukan *Big-Five* berbanding dengan kualiti pelaporan syarikat yang diaudit oleh firma audit besar, iaitu firma audit *Big-Five*. Hasil kajian ini bercanggah dengan H4 yang menyatakan bahawa kualiti pelaporan maklumat adalah lebih baik bagi syarikat yang diaudit oleh firm audit besar (*Big-Five*) berbanding dengan pelaporan syarikat yang diaudit oleh firma audit bukan *Big-Five*. Keputusan ini mungkin disebabkan oleh masalah dalam sampel kajian yang mengandungi 81 buah syarikat yang dipilih diaudit oleh firma audit besar.

## KESIMPULAN

Hasil kajian mendapati terdapat dua ciri utama syarikat, iaitu leveraj dan keuntungan, yang mempengaruhi secara signifikan kualiti pelaporan maklumat. Syarikat yang mempunyai jumlah hutang yang tinggi membekalkan maklumat yang lebih baik dalam laporan tahunan berbanding dengan syarikat yang tahap leverajnya rendah. Kedaan ini berlaku bagi memenuhi keperluan pemiutang jangka panjang. Laporan tahunan yang berkualiti membolehkan pemiutang jangka panjang memantau aktiviti pengurus. Penemuan ini adalah seiring dengan kajian lepas (Malone et al. 1993; Wallace et al. 1994). Syarikat sentiasa menjaga kepercayaan pemiutang terhadapnya. Penemuan ini membuktikan bahawa leveraj mengurangkan kos agensi antara pemiutang dan pemegang saham dengan pengurus kerana ia menggalakkan pengurus memaksimumkan nilai firma dan akan memindahkan kekayaan daripada pemiutang kepada pemegang saham.

Penemuan ini merupakan sesuatu yang menarik kerana kebanyakan kajian lepas seperti Chow dan Wong-Boren (1987), Craswell dan Taylor (1992), Hossain et al. (1993), Inchausti (1997), Michailesco (2000) dan Raffournier (1995) mendapati leveraj tidak mempengaruhi pengurusan apabila melaporkan maklumat dalam laporan tahunan. Bank merupakan sumber kewangan utama untuk membiayai syarikat. Pihak bank boleh mendapatkan maklumat terus daripada pengurus. Mereka beranggapan syarikat yang mempunyai leveraj tinggi tidak perlu melaporkan maklumat kerana bimbang akan mengurangkan minat bakal pelabur terhadap syarikat tersebut. Terdapat juga negara yang mengamalkan sikap kerahsiaan, antaranya negara Perancis. Kajian oleh Hossain et al. (1994) untuk melihat pelaporan maklumat sukarela syarikat tersenarai di BSKL juga mendapati leveraj tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan pendedahan maklumat. Beliau berpendapat pengurus menggunakan mekanisma lain seperti perjanjian hutang untuk mengurangkan kos agensi terhadap pemiutang. Penemuan kajian ini berbeza dengan kajian Hossain et al. (1994) mungkin disebabkan oleh perubahan dalam nilai perakaunan (Takhia & Pourjalali 2000). Syarikat menekankan kepada kualiti maklumat yang dilaporkan untuk meningkatkan darjah profesionalisme.

Ciri kedua yang didapati mempengaruhi kualiti pelaporan maklumat secara signifikan ialah keberuntungan syarikat. Keuntungan yang tinggi mendorong pengurusan melaporkan maklumat berkualiti dalam laporan tahunan. Ini mungkin bertujuan untuk menunjukkan kepada pelabur tentang kecekapan pengurus mengendalikan syarikat. Syarikat yang mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dan mempunyai prestasi yang baik cenderung untuk melaporkan maklumat berkualiti berbanding syarikat yang mengalami kerugian (Inchausti 1997). Ini adalah kerana maklumat ini membolehkan pelabur menyelaraskan pendapatan sepanjang tempoh perakaunan dan membuat keputusan mengenai komposisi portfolio pelaburan.

Kedua-dua penemuan ini menyokong penggunaan teori agensi dalam kajian pelaporan maklumat ini selaras dengan kajian lepas (Craswell & Taylor 1992; Hossain et al. 1994 & 1993; Inchausti 1997). Pengurusan akan mengeluarkan laporan tahunan dengan melaporkan maklumat berkualiti sebagai bukti kepada pemegang saham bahawa ia telah menjalankan tugas dengan sebaiknya. Selain daripada itu maklumat berkualiti dapat meyakinkan pelabur dan bakal pelabur terhadap syarikat (Chow & Wong-Boren 1987; Jensen & Meckling 1976).

Secara umumnya kajian pendedahan maklumat telah dijalankan secara meluas di peringkat antarabangsa. Walau bagaimanapun kajian ini membawa pembaharuan dari aspek metodologi yang digunakan. Berbeza dengan kajian terdahulu yang menggunakan indeks pendedahan yang dibentuk sendiri oleh pengkaji tersebut, kajian ini menggunakan syarat pelaporan yang digariskan oleh NACRA dalam menilai kualiti laporan tahunan syarikat di Malaysia. Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, penggunaan kaedah ini dianggap lebih tepat kerana penilaian ke atas laporan tahunan dilakukan oleh orang-orang yang berpengalaman.

Walaupun bagaimanapun, kajian ini adalah terhad dari segi skopnya. Metodologi yang digunakan dalam kajian menyebabkan saiz sampel dan industri yang dipilih adalah terhad. Kajian kualiti pelaporan ini juga boleh diperluaskan dengan mengambil kira hubungannya dengan pembolehubah lain urus tadbir korporat seperti jawatan kuasa audit, ahli lembaga pengarah dan kualiti audit luar. Kajian lanjut boleh dijalankan dengan menggunakan pendekatan baru seperti penggunaan kaedah analisis kandungan untuk menilai kualiti pelaporan maklumat. Pendekatan ini membolehkan penggunaan saiz sampel yang lebih besar dan syarikat dari pelbagai industri dipilih tanpa kekangan penapisan oleh badan lain seperti NACRA. Ini akan membawa kepada hasil kajian yang menyeluruh tentang kualiti pelaporan maklumat di Malaysia.



## RUJUKAN

- Abd Samad Alias. 2000. Association News. *The Malaysian Accountant* 13: 25-26.
- Azhar Abdul Rahman. 1999. The use of annual reports by Malaysian financial analysts - A preliminary survey. *Akauntan Nasional* 12: 26-32.
- Beasley, M.S. 1996. An empirical analysis of the relation between the board of director composition and financial statement fraud. *The Accounting Review* 71(4): 443-465.
- Buzby, S.L. 1974. Selected items of information and their disclosure in annual reports. *Accounting Review* 49(3): 423-435.
- Buzby, S.L. 1975. Company size, listed versus unlisted stocks and the extent of financial disclosure. *Journal of Accounting Research* 13(1): 16-37.
- Carlson, P. 1995. Developing the Malaysian accounting. *Akauntan Nasional* 8: 4-17.
- Chow C. W. & Wong-Boren A. 1987. Voluntary financial disclosures by Mexican corporations. *Accounting Review* 62(3): 533-541.
- Cooke, T.E. 1989. Disclosure in the corporate annual reports of Swedish companies. *Accounting and Business Research* 19(74): 113-124.
- Cooke, T.E. 1992. The impact of size, stock market listing and industry type on disclosure in the annual report of Japanese listed corporation. *Accounting and Business Research* 22(87): 229-237.
- Cooke, T.E. 1993. Disclosure in Japanese corporate annual reports. *Journal of Business Finance and Accounting* 20(4): 521-535.
- Cooper, D.R. & Schindler, P.S. 1998. Business Research Method. (6<sup>th</sup> ed.). Amerika Syarikat. McGraw-Hill International Editions.
- Craswell, A.T. & Taylor, S.L. 1992. Discretionary disclosure of reserves by oil and gas companies : An economic analysis. *Journal of Business Finance & Accounting* 19(2): 295-307.
- De Angelo, L.E. 1983. Auditor size and audit quality. *Journal of Accounting and Economics* 3(3): 183-199.
- Dhaliwal, D.S. 1980. Improving the quality of corporate financial disclosure. *Journal of Accounting and Business Research* 10(40): 386-390.
- Fama, E.F. & Jensen, M.C. 1983. Separation of ownership and control. *Journal of Law and Economics* 25: 301-325
- Fama, E.F. 1980. Agency problems and the theory of the firm. *Journal of Political Economy* 88(2): 288-307.
- Firth, M. 1978. A study of the consensus of the perceived importance of disclosure of individual items in corporate annual reports. *The International Journal of Accounting* 13: 57-70.
- Firth, M. 1979. The impact of size, stock market listing and auditors on voluntary disclosure in corporate annual reports. *Accounting and Business Research* 9(36): 273-280.
- Hossain, M. & Adams, M. 1995. An empirical study of voluntary financial disclosure by Australian listed companies. *Akauntan Nasional* 8: 12-14.
- Hossain, M., Tan, L. M. & Adams, M. 1994. Voluntary disclosure in an emerging capital market: Some empirical evidence from companies listed on the Kuala Lumpur Stock Exchange. *The International Journal of Accounting* 29(4): 334-351.

- Hossain, M., Perera, M.H.B. & Rahman, A.R. 1993. Voluntary disclosure in the annual reports of New Zealand companies. Occasional Paper No 138, Massey University, Palmerston North.
- Inchausti, B.G. 1997. The influence of company characteristics and accounting regulation on information disclosed by Spanish firms. *The European Accounting Review* 6(1): 45-68.
- Jensen, M.C. & Meckling, W.H. 1976. Theory of the firm, managerial behaviour, agency costs and ownership structure. *Journal of Financial Economics* 3(4):305-360.
- Kelly, L. 1983. The development of a positive theory of corporate management's role in external financial reporting. *Journal of Accounting Literature* 2: 111-150.
- Keperluan Penyenaraian BSKL. <http://www.klse.com.my/website/listing/listing.htm>
- Lam Kee Soon. 1999. Association News. *The Malaysian Accountant* 12: 24-25.
- Leftwich, R.W., Watts, R.L. & Zimmerman, J.L. 1981. Voluntary corporate disclosure : The case of interim reporting. *Journal of Accounting Research* 19 (Suppl): 50-77.
- Malone, D., Fries, C. & Jones, T. 1993. An empirical investigation of the extent of corporate financial disclosure in the oil & gas industry. *Journal of Accounting, Auditing and Finance* 8(3): 249-273.
- Michailescu, C. 2000. The determinants of the quality of accounting information disclosure by French listed companies. *Proceedings of the Annual Congress of the European Accounting Association* 29-31 March. Munich. Germany.
- Owusu-Ansah, S. 1998. The impact of corporate attributes on the extent of mandatory disclosure and reporting by listed companies in Zimbabwe. *The International Journal of Accounting* 33(5): 605-629.
- Peasnell, K.V. 1982. The function of a conceptual framework for corporate financial reporting. *Accounting and Business Research* 12: 243-256.
- Raffournier, B. 1995. The determinants of voluntary financial disclosure by Swiss listed companies. *The European Accounting Review* 4(2): 261-280.
- Sharma, S. 1996. Applied Multivariate Techniques. Amerika Syarikat : John Wiley & Sons, Inc.
- Singhvi, S.S. & Desai, H.B. 1971. An empirical analysis of quality of corporate financial disclosure. *Accounting Review* 46(1): 129-138.
- Smith, C. W. & Warner, J.B. 1979. On financial contracting : An analysis of bond covenants. *Journal of Financial Economics* 6: 50-65.
- Tabachnick, B.G. & Fidell, L.S. 2001. Using multivariate statistics. (2<sup>nd</sup> Ed.). Amerika Syarikat. Harper Collins Publisher.
- Takiah, M. I. & Pourjalali, H. 2000. Cultural influences on the development of accounting practices in Malaysia. *Asian Review of Accounting* 8(2).
- Tan, L.T., Kidam, Z.A. & Cheong, P.W. 1990. Information needs of users and voluntary disclosure practices of Malaysian listed corporations. *Malaysian Accountant* 3: 2-6.
- Thomas 1991. Towards a contingency theory of Corporate Financial Reporting system. *Accounting, Auditing and Accountability Journal* : 40-57.
- Trueman, B. 1986. Why do managers voluntarily release earnings forecast. *Journal of Accounting and Economics* 6: 53-71.

- Verrechia, R. 1990. Information quality and discretionary disclosure. *Journal of Accounting and Economics* 10: 365-380.
- Wallace, R.S.O. & Naser, K. 1995. Firm-specific determinants of the comprehensiveness of mandatory disclosure in the annual reports of firms listed on the Stock Exchange of Hong Kong. *Journal of Accounting and Public Policy* 14(4): 311-368.
- Wallace, R.S.O., Naser, K. & Mora, A. 1994. The relationship between the comprehensiveness of corporate annual reports and firm characteristics in Spain. *Accounting and Business Research* 25(97): 41-53.
- Wallace, R.S.O. 1988. Corporate financial reporting in Nigeria. *Accounting and Business Research* 18(72): 352-362.
- Watts, R.L. & Zimmerman, J.E. 1983. Agency problems, auditing and the theory of the firm : Some evidence. *Journal of Law and Economics* 26 : 613-633.
- Watts, R.L. & Zimmerman, J.E. 1986. *Positive accounting theory*. New Jersey. Eaglewood Cliffs. Prentice Hall.
- Watts, R.L. & Zimmerman, J.E. 1990. The accounting theory: A ten year perspective. *The Accounting Review* 65(1): 131-156.

Jabatan Perakaunan  
Fakulti Pengurusan Perniagaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor D.E.  
Malaysia

